

**DOKUMEN PERJANJIAN
SEWA MESIN FOTOSTAT**

DI ANTARA

**KONICA MINOLTA BUSINESS SOLUTIONS
(M) SDN BHD**

DENGAN

**MALAYSIA PRODUCTIVITY
CORPORATION**

(Bagi Pihak Kerajaan Malaysia)



PERJANJIAN INI dibuat pada **Hari 21** bulan **03** tahun **2023** DI ANTARA **KONICA MINOLTA BUSINESS SOLUTIONS (M) SDN. BHD.** iaitu sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar yang beralamat **NO.36, JALAN AIR JERNIH, 20300 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN** (kemudian daripada ini disebut “PEMBEKAL”) sebagai satu pihak dan **MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION** yang beralamat di **LOT NO. 1F 22, KOMPLEKS USAHAWAN TERENGGANU, KUBANG JELA, MANIR, 21200 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU, MALAYSIA.** (Kemudian daripada ini disebut “KERAJAAN”) sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAGIAN KERAJAAN telah menghendaki PEMBEKAL supaya memberikan **PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN FOTOSTAT DAN AKSESORI BAGI MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION** (selepas daripada ini disebut “Perkhidmatan Tersebut”).

BAHAWASANYA PEMBEKAL telah bersetuju menerima permintaan KERAJAAN itu mengikut syarat-syarat yang tersebut di bawah ini:-

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:-

1. TARIKH MULA DAN TAMAT TEMPOH

- 1.1 PEMBEKAL hendaklah menyediakan perkhidmatan tersebut kepada KERAJAAN mulai **01 APR 2023** hingga **31 MAR 2028 (60 bulan)**.
- 1.2 KERAJAAN hendaklah membayar kepada pembekal sebanyak **RM23,880 (RINGGIT MALAYSIA DUA PULUH TIGA RIBU LAPAN RATUS LAPAN PULUH SAHAJA)** untuk tempoh **60 bulan**. Bayaran akan dibuat oleh KERAJAAN kepada Pembekal berdasarkan jumlah hari perkhidmatan yang diberi dalam sesuatu bulan yang mana hendaklah dibayar dalam masa tidak lebih 30 (tiga puluh) hari selepas bil bulanan diterima daripada Pembekal.

2. NILAI SEWAAN DAN CAJ BACAAN METER

2.1 Nilai Sewaan Bulanan Peralatan tersebut adalah sebanyak Ringgit Malaysia: **RINGGIT MALAYSIA TIGA RATUS SEMBILAN PULUH LAPAN SAHAJA (RM 398.00)** sebulan (“sewa bulanan tersebut”), manakala Caj Bacaan Meter akan dikenakan dan dikira bagi tempoh sebulan ke sebulan pada kadar seperti di Lampiran B

2.2 Pembayaran Sewa Bulanan dan Caj Bacaan Meter tersebut akan dibuat oleh pihak Kerajaan kepada Syarikat dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penerimaan invoice daripada Syarikat.

2.3 Pembayaran hendaklah dibuat di atas nama dan akaun bank berikut:

Nama Syarikat:	KONICA MINOLTA BUSINESS SOLUTIONS (M) SDN. BHD.
Nama Bank :	MALAYAN BANKING BERHAD
No. Akaun :	014169113441

3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Syarikat hendaklah menyewakan peralatan tersebut mengikut penentuan dan spesifikasi peralatan tersebut seperti mana dalam Jadual Pertama Perjanjian ini.

3.2 Syarikat hendaklah menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan terhadap peralatan tersebut.

4. AKUJANJI PIHAK KERAJAAN

4.1 Pihak Kerajaan dengan ini berakujanji dengan Syarikat bahawa:-

- (a) Membayar sewa bulanan tersebut tepat pada waktunya dan semua bayaran lain yang patut dibayar mengikut perjanjian ini;
- (b) Membenarkan syarikat dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh syarikat, pada setiap masa yang sesuai dan setelah notis bertulis yang munasabah terlebih dahulu memeriksa peralatan tersebut dan menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan.
- (c) Menjaga dan memastikan bahawa peralatan tersebut berada dalam premis Kerajaan sepanjang tempoh perjanjian ini dan mengawal serta tidak memindahkan peralatan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari syarikat;
- (d) Tidak menjual, menyerahhak, menyewa, menggadaijanji, menyandar atau melepaskan milik peralatan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa terlebih dahulu persetujuan bertulis daripada Syarikat;
- (e) Mengelak daripada membaiki, menyelenggara atau apa-apa cara lain mengusik peralatan tersebut atau menghapuskan plat nama syarikat pada peralatan tersebut;
- (f) Tidak membenarkan mana-mana pihak lain campurtangan atau mengganggu peralatan atau membaiki peralatan melainkan dengan kebenaran bertulis daripada syarikat. Jika sekiranya berlaku pelanggaran oleh pihak Kerajaan dalam pekara ini, maka pihak Syarikat;

- (i) Berhak membatalkan perjanjian ini dan menarik balik mesin-mesin berkenaan dengan memberi notis bertulis tidak kurang dari tiga puluh (30) hari kepada pihak Kerajaan; dan
 - (ii) Berhak menuntut kos penyelenggaraan/pembaikan daripada pihak Kerajaan jika campurtangan pihak lain tadi menyebabkan kerosakkan kepada peralatan tersebut.
- (g) Tidak akan menanggung apa-apa kos kerugian kepada syarikat ke atas kerosakan awam yang disebabkan oleh bencana alam seperti kebakaran, keruntuhan bangunan, banjir dan lain-lain sebab di luar kawalan.
- (h) Sekiranya perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat memuaskan hati pihak Kerajaan maka perjanjian ini akan disambung selama 24 bulan lagi dari tarikh tamat tempoh kontrak ini.

5. AKUJANJI SYARIKAT

5.1 Syarikat dengan ini berakujaji dengan pihak Kerajaan bahawa:-

- (a) Syarikat hendaklah sentiasa memastikan peralatan tersebut berada dalam keadaan yang memuaskan dan menepati **“Target Performance level”** dan untuk tujuan ini, Syarikat hendaklah menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan. Perkhidmatan penyelenggaraan termasuk memeriksa, menyelaraskan dan membaiki peralatan tersebut tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada pihak kerajaan;
- (b) Syarikat hendaklah melakukan perkhidmatan penyelenggaraan tersebut sekurang-kurangnya sekali sebulan di antara pukul 8.30 pagi hingga 5.00 petang, Ahad hingga Khamis kecuali cuti am. Sekiranya perlu pada bila-bila masa yang dipersetujui bersama oleh syarikat dan pihak kerajaan;

- (c) Syarikat hendaklah memberi jaminan bahawa perkhidmatan penyelenggaraan ke atas peralatan tersebut akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kehilangan, kesilapan dan kecacatan;
- (d) Syarikat hendaklah menggantikan sebarang bahagian atau alat ganti yang rosak agar peralatan tersebut dapat beroperasi dan berfungsi dengan baik dan memuaskan hati pihak kerajaan tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada pihak Kerajaan;
- (e) Syarikat hendaklah membekalkan peralatan pakai habis seperti **“toner”**, **“cleaning blade** dan **developer** secara percuma sepanjang tempoh Perjanjian ini.
- (f) Syarikat hendaklah menepati **“Response Time”** dalam tempoh empat (4) jam;
- (g) Syarikat hendaklah menyediakan mesin fotostat tambahan sebagai **“back up machine”** jika berlaku kerosakan yang memerlukan **“major repair”** atau pihak Kerajaan menjalankan kerja tambahan yang terlalu banyak dan memerlukan mesin fotostat tambahan. Mesin fotostat tambahan ini dikenakan caj bacaan meter sahaja tanpa bayaran sewaan bulanan;
- (h) Syarikat hendaklah menghantar pekerja yang berkecukupan sahaja untuk menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan tersebut;
- (i) Syarikat hendaklah mengajar dan melatih dua (2) orang kakitangan Kerajaan untuk mengurus operasi peralatan tersebut. Kakitangan tersebut akan dilatih oleh pekerja syarikat tentang cara-cara penggunaan dan operasi peralatan tersebut dengan baik dan berkesan;
- (j) Syarikat hendaklah menggantirugikan kepada pihak Kerajaan atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas peralatan tersebut yang berbangkit

daripada kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh syarikat atau pekerja; dan

- (k) Syarikat hendaklah memastikan pihak Kerajaan menikmati secara aman dan tenteram peralatan tersebut sepanjang tempoh perjanjian ini tanpa gangguan atau kerosakan dari atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagai amanah bagi pihak Syarikat.

6. DENGAN SYARAT-SYARAT INI KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU seperti berikut-

- 6.1 Syarikat tidak dibenarkan membuat permohonan untuk menaikkan sewa bulanan tersebut atau lain-lain tuntutan dalam tempoh perjanjian ini melainkan pihak Kerajaan memberi persetujuan secara bertulis.
- 6.2 Syarikat hendaklah menginsuranskan peralatan tersebut jika berlaku kehilangan atau kerosakan akibat daripada kebakaran atau apa-apa sebab lain di luar kawalan pihak Kerajaan.
- 6.3 Sekiranya dalam tempoh perjanjian ini, peralatan tersebut didapati cacat dan pihak Kerajaan tidak dapat menggunakan peralatan tersebut dan syarikat tidak mampu untuk membaiki kecacatan tersebut. Maka pihak Kerajaan boleh:-
 - (a) menolak peralatan tersebut dan menamatkan perjanjian ini atau
 - (b) menolak peralatan tersebut dan syarikat dikehendaki menggantikannya dengan peralatan yang baru dan perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa untuk baki tempoh perjanjian ini.

7. PENGHANTARAN DAN PEMASANGAN

- 7.1 Syarikat akan menentukan bahawa peralatan tersebut akan dihantar ke tempat pemasangan pada atau sebelum tarikh penghantaran sebenar perlu dibuat. Syarikat akan menanggung segala kos pemasangan dan penghantaran peralatan peralatan tersebut sehingga peralatan tersebut boleh digunakan dan beroperasi dengan baik.
- 7.2 Pihak kerajaan hendaklah memeriksa peralatan tersebut semasa penghantaran dan pemasangan peralatan tersebut di buat kepadanya. Pihak Kerajaan adalah dianggap telah menerima peralatan tersebut dan berpuas hati dengan peralatan tersebut apabila syarikat tidak menerima apa-apa notis bertulis daripada pihak kerajaan tentang ketidakpuasan hati terhadap peralatan tersebut dalam masa dua puluh empat (24) jam dari tarikh penghantaran dan pemasangan peralatan tersebut.

8. PENYEDIAAN TEMPAT PEMASANGAN

- 8.1 Segala kos penyediaan tempat pemasangan akan ditanggung oleh pihak Kerajaan. Jika berlaku sebarang kelewatan di dalam menyediakan tempat pemasangan, pihak kerajaan hendaklah memberitahu syarikat agar tarikh penghantaran dan pemasangan peralatan tersebut dapat diubah kepada masa yang bersesuaian.

9. JAMINAN

- 9.1 Syarikat memberi jaminan bahawa peralatan tersebut berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk dengan syarat peralatan tersebut tidak diubahsuai oleh pihak Kerajaan tanpa memberi sebarang notis kepada syarikat.
- 9.2 Jika berlaku sebarang kerosakan pada peralatan tersebut, maka syarikat akan menggantikan segala kerosakan tersebut dan segala kos yang berkaitan adalah ditanggung oleh syarikat.

10. PENAMATAN KONTRAK

10.1 Penamatan oleh pihak Kerajaan:-

10.1.1 Pihak Kerajaan tidak boleh menamatkan perjanjian atau membatalkan kecuali:

- (a) Syarikat gagal mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat yang terkandung dalam perjanjian ini; atau
- (b) Syarikat tidak melaksanakan obligasi-obligasi sebagaimana yang diperuntukkan dalam;
- (c) Syarikat (sebagai orang perseorangan, firma, atau mana-mana pekongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi muflis atau sesuatu perintah penerimaan, atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang; atau
- (d) Syarikat sebagai sebuah Syarikat meluluskan sesuatu ketetapan atau Mahkamah membuat perintah bahawa Syarikat itu digulung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seorang penerima atau pengurus bagi pihak seorang pemiutang dilantik atau jika timbul keadaan yang memberi hak kepada Mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan; Pihak Kerajaan berhak memberikan notis bertulis kepada Syarikat dengan menyatakan kemungkinan yang berkaitan dan menghendaki Syarikat meremedikan kemungkinan itu dalam tempoh masa tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh syarikat menerima notis bertulis atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak Kerajaan; dan sekiranya syarikat gagal meremedikan kemungkinan itu dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak Kerajaan, Pihak

Kerajaan berhak menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis tiga puluh (30) hari kepada Syarikat.

10.2 Penamatan oleh Syarikat

10.2.1 Sekiranya pihak Kerajaan tiada apa-apa sebab munasabah gagal untuk melaksanakan mana-mana terma atau syarat dalam perjanjian ini yang memberi kesan kepada pihak Kerajaan. Syarikat adalah berhak untuk memberikan notis bertulis kepada pihak Kerajaan dengan menyatakan kemungkinan yang berkaitan dan mengkehendaki pihak Kerajaan meremedikan kemungkinan itu dalam tempoh masa tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh pihak Kerajaan menerima notis bertulis atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dipersetujui oleh syarikat; dan sekiranya pihak Kerajaan gagal meremedikan kemungkinan itu dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dipersetujui oleh syarikat, syarikat berhak menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis tiga puluh (30) hari kepada pihak Kerajaan.

10.3 Dengan penamatan perjanjian ini di bawah Fasal 10.1 atau 10.1 maka:-

- (a) kuasa dan hak yang diberikan dibawah perjanjian ini dan obligasi dalam perjanjian ini hendaklah tamat dan
- (b) Syarikat hendaklah pada masa yang munasabah dan setelah memberi notis kepada pihak Kerajaan mengeluarkan peralatan tersebut dari tempat pemasangan tanpa sebarang caj kepada pihak Kerajaan;

10.4 Walau apa pun Fasal 10.1, pihak Kerajaan boleh menamatkan perjanjian ini lebih awal daripada tempoh perjanjian dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari di atas apa-apa sebab sekalipun.

10.5 Dengan syarat sentiasa bahawa penamatan perjanjian ini di bawah Fasal 10.1 ini tidak akan menyentuh hak-hak lain pihak Kerajaan yang sedia terakru di bawah perjanjian ini.

11. PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa mengikut undang-undang Malaysia di dalam setiap aspek termasuk pembentukan dan pentakrifan.

12. PEMATUHAN KEPADA LAIN- LAIN UNDANG-UNDANG

Pihak-pihak kepada perjanjian ini bersetuju untuk mematuhi segala ketetapan undang-undang, ordinan, peraturan-peraturan atau undang-undang kecil, arahan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan, Kerajaan negeri atau mana-mana pihak berkuasa negeri dari semasa ke semasa.

13. FORCE MAJURE

Syarikat atau pihak Kerajaan adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan akibat daripada keadaan darurat seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut atau kerana sebab-sebab atau bahaya yang di luar kawalan pihak-pihak kepada perjanjian ini atau yang di anggap "Force Majure". Apabila man-mana pihak pula mengalami kesulitan melaksanakan atau terpaksa menanggungh perlaksanaan perjanjian ini akibat daripada insiden-insiden ini, maka Syarikat atau pihak Kerajaan adalah berkewajipan memberitahu pihak satu lagi secara bertulis dalam masa empat puluh lapan (48) hari dari saat berlakunya insiden tersebut mengenai penangguhan tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut. Syarikat atau pihak Kerajaan juga hendaklah memberikan bukti-bukti yang munasabah kepada pihak yang satu lagi berkenaan insiden di atas beserta kesannya terhadap pelaksanaan perjanjian ini.

Walau apa pun ia adalah menjadi tanggungjawab Syarikat untuk memastikan perlaksanaan perjanjian ini akan dilakukan tanpa sebarang kos tambahan kepada pihak kerajaan.

14. PINDAAN

Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada perjanjian Ini hendaklah dibuat secara bertulis, disahkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan pindaan tambahan atau perubahan tersebut hendaklah menjadi sebahagian daripada perjanjian ini.

15. KERAHSIAAN

Syarikat tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemuinya atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan perjanjian ini di antara kedua-dua pihak.

16. PEMAJAKAN PERJANJIAN

Syarikat tidak boleh memajakkan kesemua atau mana-mana bahagian perjanjian ini atau membuat apa-apa perjanjian kecil bagi tujuan perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis pihak Kerajaan.

17. MEMBERIMILIK PERJANJIAN

Syarikat tidak boleh memberimilik kesemua atau mana-mana bahagian perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar di bawah perjanjian ini atau apa-apa faedah yang terbit atau yang mungkin terbit daripada perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis pihak Kerajaan.

18. DUTI SETEM DAN KOS PERJANJIAN

Apa-apa duti setem dan kos yang harus dibayar berkenaan perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Syarikat.

19. RASUAH

Syarikat tidak boleh menawar, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana kakitangan kerajaan sebarang hadiah atau pertimbangan apa jua pun sebagai dorongan atau balasan kerana melakukan apa-apa tindakan berhubung dengan perolehan atau pelaksanaan perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain dengan pihak Kerajaan atau kerana menunjukkan atau tidak menunjukkan sokongan terhadap mana-mana orang dalam perjanjian ini atau mana-mana perjanjian dan perjanjian pihak Kerajaan yang lain.

Mana-mana pelanggaran syarat yang dinyatakan dalam Fasal 19 oleh syarikat atau oleh seseorang yang bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau tanpa pengetahuan syarikat) akan berjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1961, berhubung dengan perjanjian ini atau perjanjian-perjanjian lain dengan akan sentiasa memberikan hak kepada pihak Kerajaan untuk menamatkan perjanjian ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada Syarikat.

20. NOTIS

Apa-apa notis yang dikehendaki diberikan dalam perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar dengan pos berdaftar atau diserahkan ke alamat yang berikut:

- (a) bagi pihak Kerajaan
Malaysia Productivity Corporation
Lot No. 1F 22, Kompleks Usahawan Terengganu,
Kubang Jela, Manir, 21200 Kuala Terengganu, Terengganu.
- (b) bagi pihak Syarikat
Konica Minolta Business Solutions (M) Sdn. Bhd.
No.36, Jalan Air Jernih,
Kuala Terengganu, Terengganu.

Pihak-pihak di atas hendaklah memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada pihak yang satu lagi, sekiranya berlaku pertukaran alamat atau entiti.

21. TANGGUNG RUGI

Syarikat hendaklah menanggungrugi bagi pihak Kerajaan, pekerjaanya dan agennya bagi kehilangan atau kerosakan harta atau kecederaan diri yang berpunca daripada tindakan, kecuiaan atau ketidakjujuran Syarikat.

22. MASA

Masa hendaklah menjadi intipati perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN PERKARA YANG TERSEBUT DI ATAS, pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun seperti dinyatakan di atas.

Ditandatangani bagi pihak **KERAJAAN MALAYSIA**

Ditandatangani oleh :-

Nama : *Muhammad Nordin Mohd Bakri*
No. Kad Pengenalan : *820619-03-5746*
Jawatan : *Peh. Pengurus*



(Tandatangan)

Di hadapan :

Nama : *Norbaida Roslan*
No. Kad Pengenalan : *830512-03-5616*
Jawatan : *Pembantu Tadbir*



(Tandatangan Saksi)

Ditandatangani bagi pihak **PEMBEKAL MESIN
KONICA MINOLTA BUSINESS SOLUTIONS (M) SDN.
BHD.**

Oleh :-

Ditandatangani oleh :-


Nama : **POH KHEE FONG**
No. Kad Pengenalan : **680831-11-5215**
Jawatan : **BRANCH MANAGER**



(Tandatangan)

Di hadapan :

Nama : **ONG MENG YING**
No. Kad Pengenalan : **770314-08-7358**
Jawatan : **SALES EXECUTIVE**



(Tandatangan Saksi)

Lampiran A

**SYARAT- SYARAT AM
BAGI PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN FOTASTAT
DI MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION**

1. Pekerja- pekerja syarikat semasa menjalankan penyelenggaraan ke atas peralatan yang disewakan hendaklah memakai uniform dan menggunakan kad pengenalan syarikat. Pekerja- pekerja juga diminta menunjukkan kad pengenalan jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana- mana pegawai kerajaan.
2. Pekerja- pekerja syarikat juga hendaklah mempunyai disiplin tentang kelakuan termasuk tutur kata, pakaian dan rambut. Pekerja- pekerja yang tidak mempunyai disiplin akan dilarang memasuki kawasan.
3. Pihak syarikat hendaklah memastikan bahawa pekerja- pekerja yang melakukan penyelenggaraan di Malaysia Productivity Corporation adalah bebas dari penyalahgunaan dadah dan sebarang kes kegiatan jenayah.
4. Pekerja syarikat tidak boleh dengan apa- apa cara berkelakuan yang mencurigakan seperti:-
 - Membawa rakan atau orang lain yang tiada kaitan dengan jabatan semasa bertugas.
 - Mengambil apa- apa minuman yang boleh memabukkan.
 - Mengambil apa- apa ubat/ atau melakukan apa perkara yang boleh mengakibatkan mengantuk dan berkhayal.
 - Berkeliaran di dalam dan luar kawasan pejabat selain dari lokasi mesin ditempatkan sahaja.
5. Pekerja perlu memastikan segala harta benda jabatan samada berada di dalam atau di luar bangunan pejabat termasuk kenderaan (yang terdapat di dalam kawasan) di dalam keadaan baik dan selamat

RINGKASAN BERKENAAN PERALATAN PENYEWAAN

LOKASI	MODEL	SEWA BULANAN (RM)	CAJ BAYARAN METER (RM)		BEKALAN PERCUMA SYARIKAT
			CETAKAN HITAM PUTIH	CETAKAN BERWARNA	
MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION	Konica Minolta BIZHUB C250i	RM 398.00	RM 0.03	RM 0.50	- toner - cleaning blade - developer
	S/N : AA2M041020371				

Remark : 3% Rebate Monthly for Spoilt Copies

PROMO CODE : 22P005

